

Kerjasama perikanan Malaysia-Norway

KEKURANGAN sumber perikanan yang dihadapi dunia hari ini, agak meruncing dengan pengeluaran ikan dunia kini sebanyak 160 juta tan metrik perlu ditingkatkan kepada 238 juta tan metrik dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Ita sukar dicapai kerana sumber ikan di laut semakin berkurangan dan mengancam kehidupan komuniti nelayan yang bergantung hidup kepada aktiviti perikanan.

Kejayaan Norway membangunkan industri penternakan ikan salmon sehingga menjadi negara pengeksport terbesar ikan tersebut di dunia, membuktikan penternakan ikan secara

TEKNOLOGI HDPE dalam SLT semakin popular dalam bidang akuakultur.

moden dan berteknologi tinggi adalah langkah terbaik.

Jumlah nilai eksport ikan dan produk ikan setahun mencapai sekitar RM39.4 bilion, menempatkannya sebagai salah satu sektor eksport terbesar di negara berkenaan. Hampir 95 peratus hasil produk ikan dari negara ini dieksport dalam



PENGGUNAAN Penyelesaian Pintar Akuakultur Bersepadu (IAIS) antara yang boleh dimanfaatkan.

pelbagai jenis produk ke sekitar 160 negara.

Kemampuan Norway dalam memaksimumkan potensi perikanan yang dimiliki, dapat dijadikan contoh oleh Malaysia berkaitan pengurusan perikanan yang baik.

Aplikasi teknologi Norway antara langkah terbaik dalam menyumbang kepada keperluan ikan dalam negara sebanyak 3 juta tan metrik menjelang tahun 2020.

Menerusi kerjasama Jabatan Perikanan dan kerajaan Norway ini, sangkar ikan diperbuat daripada *High-Density Polyethylene* (HDPE) yang digunakan dalam penternakan ikan salmon boleh diaplikasikan kaedah penternakan yang sama di Sangkar Laut Terbuka (SLT) yang menjadi projek perintis penternakan ikan secara moden di laut terbuka.

Antara spesies ikan yang boleh



PAKAR Penyelidik Perikanan Austevoll, Norway, Prof. Per Johan Jakobsen (kanan) memberi penerangan kepada wakil Malaysia.

diternak dalam sangkar itu seperti ikan merah, siakap dan kerapu harimau serta kerapu kertang.

Malaysia juga mengaplikasikan Penyelesaian Pintar Akuakultur Bersepadu (IAIS) digunakan di Norway untuk membantu mengesan pelbagai parameter kualiti air termasuk oksigen terlarut, arus, nilai pH dan suhu yang penting untuk proses awal penetasan supaya kadar kematian anak-anak ikan dapat dikurangkan dan meningkatkan kadar tumbesaran.

Malaysia telah menandatangani perjanjian projek kerjasama antara Malaysia dan Norway dalam penambah baik Rangka Kerja Peraturan Akuakultur bermula dari tahun 2012 hingga 2016. 3

Aktiviti-aktiviti di bawah projek kerjasama ini berjalan dengan lancar di mana draf

kaedah-kaedah perikanan darat (akuakultur) telah disediakan dan seorang pegawai Jabatan Perikanan telah berjaya menamatkan pengajian sarjana dalam bidang kesihatan ikan.

Pegawai Jabatan Perikanan telah dihantar untuk menjalani latihan sangkutan di Norway bermula tahun 2013 dan terkini, dua orang pegawai telah menamatkan latihan dengan jayanya pada 13 November lalu

Satu laporan akhir bagi keseluruhan projek akan disediakan selepas tamat tempoh projek pada hujung tahun ini. Projek kerjasama Malaysia-Norway ini diadakan bertujuan bagi membantu usaha kerajaan memperkukuhkan pembangunan industri perikanan dan agromakanan negara di samping mempertingkatkan lagi hubungan dua hala kedua negara.